

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 1 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan mekanisme drastik yang sedang diimplementasikan oleh Kementerian dalam mewujudkan sistem pengendalian pembekalan air bersih di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan sumber air bersih, khususnya selepas berlakunya banjir dan pencemaran sungai

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, secara dasarnya, penyediaan bekalan air bersih dan terawat adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) yang melibatkan penyediaan sumber air, pembinaan paip utama, pembinaan loji rawatan air serta pengoperasian dan penyelenggaraan.

Peranan dan matlamat Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) adalah membantu mempercepatkan liputan dan merapatkan jurang bekalan air bersih dan terawat ke kawasan luar bandar melalui penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah yang belum mendapat bekalan air bersih dan terawat.

Bagi kawasan-kawasan luar bandar yang kritikal, Kementerian boleh mempertimbangkan membina atau menaiktaraf loji rawatan air, pembinaan paip utama, pembinaan tangki dan rumah pam bagi memastikan kawasan sasaran mendapat bekalan air terawat dengan tekanan dan kapasiti yang mencukupi.

Manakala bagi kawasan pendalaman dan yang jauh dari sumber air bersih dan terawat, Kementerian menyediakan sistem alternatif menggunakan sumber air bawah tanah, tandak sungai, perigi dan sumber air hujan bagi tujuan bekalan air bersih.

Sekian, terima kasih.